



DIABETIS



JAGA BERAT BADAN



AMALKAN PEMAKANAN SIHAT



BERSEKAM SELALU

PESANAN PENTING

3

MAJLIS PELANCARAN
KEMPEN CARA HIDUP SIHAT
1996



Logo Kempen Cara Hidup Sihat ini menggambarkan dua elemen iaitu matahari dan garis lakar hijau. Matahari melambangkan kehidupan yang berunsur dinamik dan positif sementara garis lakar hijau pula menggambarkan suasana alam semulajadi dan kehidupan yang sihat.



Cogankata 'Utamakan Kesihatan' menekankan cara hidup yang lebih positif sebagai peringatan yang tegas untuk menyatakan 'TIDAK' kepada sebarang perlakuan yang tidak memberi manfaat kepada kesihatan kita.

Aturcara

| | | |
|-----------|---|--|
| 9.00 pg. | - | Ketibaan Para Jemputan |
| 10.00 pg. | - | Ketibaan Y.B. Dato' Chua Jui Meng Menteri Kesihatan Malaysia |
| | - | Tarian Selamat Datang |
| 10.10 pg. | - | Bacaan Doa |
| | - | Ucapan Aluan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Abu Bakar Suleiman Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Kempen Cara Hidup Sihat 1996 |
| | - | Ucapan Perasmian oleh Y.B. Dato' Chua Jui Meng Menteri Kesihatan Malaysia |
| | - | Perasmian Logo Diabetis |
| | - | Pengenalan Maskot |
| | - | Persembahan Pentas |
| | - | Penyampaian Bahan Pendidikan Kesihatan Kepada Wakil dari Pelbagai Agensi |
| | - | Lawatan ke Pameran |
| | - | Jamuan Ringan |
| | - | Persidangan Akhbar |

LAGU TEMA KEMPEN

Mencari Jawapan

*Skutkan rasa sedap selera
Lemak bertambah bawa bahaya
Berat badan dan pemakanan
Elok dijaga biar seimbang*

*Diabetis..diabetis.. hendaklah dicegah
Kurangkan gula di dalam darah
Bersenam selalu cergaskan diri
Tubuh yang sihat penting sekali*

*Cara hidup sihat adalah jawapan
Membawa kualiti dalam kehidupan...*

Lirik: Md. Yusoff Mahmud /
Habsah Hassan

RASIONAL LOGO - DIABETIS



Rekabentuk logo Diabetis berbentuk bulat melambangkan diabetis sebagai penyakit universal dan disokong oleh mesej "Cegah DIABETIS" sebagai ingatan kepada semua. Rekabentuk tersebut mengandungi tiga imej bayang iaitu seorang bapa, ibu dan anak dalam lagak aktif dan riang yang menggambarkan sebuah keluarga yang bahagia, cergas, aktif serta ceria.

Rekabentuk bulat diwarnai dalam pelbagai lapisan warna biru. Warna-warna tersebut melambangkan warna hasil ujian air kencing yang negatif dalam diabetis.

Logo tersebut dikelilingi dengan peringatan yang menekan amalan cara hidup yang betul untuk mencegah diabetis iaitu pemakanan sihat, senaman selalu dan berat badan unggul dalam kombinasi warna yang berlainan bertujuan untuk memberi penekanan yang konsisten terhadap amalan berkenaan.

DIABETIS